

NO. SOALAN: 10

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]

TARIKH : 27.10.2015 (SELASA)

DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan kenapa harga runcit gula dan beras di Malaysia tidak turun mengikut harga pasaran dunia.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Pasaran gula antarabangsa adalah merupakan pasaran komoditi yang sangat aktif di mana pasarannya sentiasa turun dan naik setiap hari. Harga gula mentah di pasaran dunia merupakan harga gula mentah yang belum diproses dan dijadikan gula bertapis. Gula mentah yang diimport ini perlu melalui proses penapisan sebelum dijual kepada pengguna tempatan. Pemprosesan ini melibatkan kos seperti *yield loss*, kos penapisan, kos pembungkusan, margin pengilang, margin pemborong dan juga margin peruncit.

Kos-kos ini telah menyebabkan harga runcit gula bertapis di negara ini yang ditetapkan oleh Kerajaan adalah pada harga RM2.84/kg. Harga gula mentah juga dipengaruhi oleh kadar tukaran Ringgit yang kurang stabil pada waktu ini. Jika dikaji, Malaysia mempunyai harga runcit gula yang kedua terendah di kalangan negara ASEAN selepas Thailand yang merupakan antara negara pengeluar gula terbesar.

Penetapan harga beras adalah di bawah bidang Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.